

Al-Musytarak al-Lafziy Menurut Perspektif Ilmuwan Linguistik Arab

Noor Anida Awang
Tasnim Mohd Annuar

Abstrak

Al-musytarak al-lafziy merujuk kepada perkataan yang mempunyai ejaan dan sebutan yang sama serta menunjukkan lebih daripada satu makna. *Al-musytarak al-lafziy* amat penting dalam kehidupan seharian bagi mengelakkan berlakunya salah tafsir maksud yang ingin disampaikan kepada pendengar. Objektif utama artikel ini untuk menjelaskan konsep *al-musytarak al-lafziy* menurut pandangan ahli linguistik Arab serta contoh-contoh yang relevan dengannya. Bagi memudahkan lagi memahami makna yang dikehendaki, *qarinah* atau petunjuk digunakan oleh penutur agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada pendengar. Kepelbagaian makna yang terkandung dalam *al-musytarak al-lafziy* sebenarnya menjadi titik tolak kepada perselisihan para ilmuwan dalam menentukan makna yang dikehendaki dalam konteks yang tertentu. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan dengan menganalisis dokumen dalam kitab-kitab lughah, fiqh dan kamus-kamus Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa makna yang terkandung dalam *al-musytarak al-lafziy* sama ada pada kata nama, kata kerja dan partikel dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu. Selain itu, *al-musytarak al-lafziy* turut mendatangkan kebaikan dan keburukan sama ada kepada penutur mahupun orang yang mendengar. Kesimpulannya *al-musytarak al-lafziy* bukan sahaja perlu dititikberatkan dalam linguistik Arab semata-mata, malah perlu digabungkan dengan disiplin ilmu yang lain terutamanya yang berkaitan dengan hukum hakam sejajar dengan kehendak ajaran Islam.

Kata kunci: *al-musytarak al-lafziy*; *qarinah*; linguistik Arab.

Abstract

Al-musytarak al-lafziy refers to the word that has same spelling and pronunciation and more than one meaning. It is very important in everyday in order to avoid the miss interpretation of meaning that delivered to the listeners. The main objective of this article is to explain the concept of *al-musytarak al-lafziy* from the perspective of Arab linguists as well as with the relevant examples. *Al-musytarak al-lafziy* will be easier understood if *qarinah* or sign or indicators used by the speaker to make some that not to cause confusion to the listeners. Multiple meanings in the *al-musytarak al-lafziy* is a starting point disagreement between scholars in determining of the required in a particular context. Qualitative methods used include data collected through review of books in lughah, fiqh and arabic dictionaries. The findings of the study indicated that the meaning of *al-musytarak al-lafziy* either nouns, verbs and particles are influenced by certain factors. Apart from that, *al-musytarak al-lafziy* also brings advantages and disadvantages to the speaker as well as listener. In conclusion *al-musytarak al-lafziy* not only important in Arabic linguistics alone but should be combined with other disciplines mainly related to the some laws in compliance with the Islamic teachings.

Keywords: *al-musytarak al-lafziy*; evidence; Arabic linguistics.

Pendahuluan

Semantik merupakan satu bidang yang mengkaji elemen makna bagi sesuatu perkataan sama ada secara sendiri (makna asal perkataan tersebut) atau makna perkataan tersebut mengikut konteks

penggunaannya (Khalil 1998). *Al-musyarak al-lafziy* merupakan salah satu elemen bahasa yang terdapat dalam semantik bahasa Arab atau '*ilm al-dalalat*' yang menjadi fokus perbincangan dalam tulisan ini. *Al-musyarak al-lafziy* merupakan satu lafaz yang mempunyai dua maksud atau lebih.

Jika direnung kembali zaman kegemilangan pengajian ilmu-ilmu Islam didapati bahawa para ilmuwan bukan sahaja menguasai bidang ilmu mereka, malah turut memiliki kemahiran bahasa Arab. Antara tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang terkenal ialah al-Khawarizmi yang merupakan seorang ahli falsafah, sasterawan, pencipta algebra, ahli matematik dan juga astronomi. Al-Kindi pula adalah seorang ahli matematik, astronomi dan falsafah. Jabir ibn Hayyan pula terkenal sebagai seorang ahli kimia, manakala Imam Shafi'iy adalah pengasas ilmu *usul al-fiqh* dan mazhab Shafi'iy serta amat mahir mengenai bahasa Arab. Menurut al-Jundi (t.th.), kehebatan beliau diakui oleh Abdul Malik ibn Hisyam; seorang ahli bahasa Arab yang menyatakan bahawa kata-kata Imam Shafi'iy boleh dijadikan hujah.

Ini menunjukkan bahawa kajian tentang bahasa Arab amnya dan *al-musyarak al-lafziy* khususnya tidak merujuk kepada disiplin linguistik Arab sahaja, akan tetapi ia menjangkau perkaitan dan hubungannya dengan disiplin ilmu yang lain. Buktinya dapat dilihat daripada perbincangan-perbincangan ilmuwan *usul al-fiqh* yang mengaitkan tajuk-tajuk bahasa dan tatabahasa seperti sinonim, *al-musyarak al-lafziy*, hakikat dan majaz, uslub *al-amr*, uslub *al-nahy* dan sebagainya dalam perbincangan mereka. Antara mereka, Imam al-Shafi'iy yang telah membahagikan makna kepada dua iaitu makna ungkapan dan makna pemahaman (al-Syafi'iy 1997, 1: 39). Selain itu Abu Zahrah (1999) turut menyatakan bahawa Imam Hanafi pula telah membahagikan makna kepada empat bahagian iaitu makna perkataan, makna yang ditunjukkan, makna wacana dan yang keempat ialah makna konteks.

Menurut Muhammad Marwan dan Wan Moharani (2009), *al-musyarak al-lafziy* bukan sahaja penting untuk mereka yang menggunakan bahasa tersebut malah golongan yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua perlu mengetahui tentang elemen bahasa ini. Ini kerana dengan menguasai *al-musyarak al-lafziy* penutur bahasa kedua akan mampu memilih dan menggunakan perkataan-perkataan yang tepat bagi mengungkapkan maksud yang dikehendaki. Pada masa yang sama ia dapat mengelakkan penutur asal bahasa tersebut daripada tersalah faham maksud yang ingin disampaikan kesan daripada tersalah memilih perkataan yang dapat membawa maksud yang dikehendaki.

Tambahan pula kepelbagaian makna bagi satu-satu perkataan sebagaimana yang terdapat dalam *al-musyarak al-lafziy* jarang sekali ditemui dalam banyak bahasa di dunia ini. Ini menunjukkan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang unik serta amat kaya dengan kepelbagaian kosa katanya (al-Samiraiy 2000). Kepelbagaian kosa kata ini memberi makna yang terperinci terhadap sesuatu perkara yang biasanya diadaptasikan daripada persekitaran kehidupan masyarakat Arab. Oleh itu, tidak mustahillah terdapat perkataan yang digunakan untuk menunjukkan maksudnya yang sebenar dan ada perkataan yang digunakan secara majazi. Penentuan maksud yang dikehendaki oleh penutur mahupun penulis dapat difahami berdasarkan *qarinah* yang terdapat pada ayat tersebut.

Justeru, artikel ini akan mengupas konsep *al-musyarak al-lafziy* dalam linguistik Arab serta sejauhmana perbincangannya oleh para ilmuwan dalam bidang ini. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan contoh-contoh penggunaan *al-musyarak al-lafziy* berpandukan *qarinah* yang tertentu. Selain itu ia turut menyatakan perkaitan *al-musyarak al-lafziy* dengan disiplin ilmu yang lain agar dapat dijadikan panduan dalam ungkapan atau percakapan seharian. Ini kerana ia amat membantu seseorang memahami sumber perundangan yang utama iaitu al-Quran dan hadith Nabi s.a.w dengan lebih terperinci dan mendalam.

Konsep dan Definisi *al-Musyarak al-Lafziy* dengan Pengertian Umum

Al-musyarak al-lafziy adalah satu istilah dalam bahasa Arab yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu *al-musyarak* dan *al-lafziy*. Perkataan *al-musyarak* bererti yang sama atau yang berkongsi. *Al-lafziy* pula bermaksud yang berkaitan dengan sebutan. Makna *al-musyarak al-lafziy* secara literal

ialah perkataan yang sama dari segi sebutan. Selain itu, Sibawayh (1999, 49) telah menyentuh tentang *al-musytarak al-lafziy* ketika menjelaskan penggunaan perkataan bagi menunjukkan makna dalam kalangan orang Arab. Antara bentuk penggunaan tersebut ialah, اتفاق اللفظين والمعنى مختلف yang bermaksud, dua perkataan yang sama sedangkan makna berbeza. Kenyataan Sibawayh ini sama seperti pemahaman kebanyakan sarjana linguistik Arab dahulu terhadap konsep *al-musytarak al-lafziy*, iaitu ما اتفق لفظه واختلف معناه yang bermaksud sesuatu perkataan yang sama lafaznya dan berbeza maknanya.

Pemahaman konsep *al-musytarak al-lafziy* sebegini dapat dilihat pada tajuk karya sebilangan sarjana linguistik seperti *al-Ma'thur min al-Lughat: Ma Ittafaqa Lafzuha wa Ikhtalafa Ma'nahu* oleh Abu al-'Amaythal al-'Arabiyy dan *Kitab Ma Ittafaqa Lafzuha wa Ikhtalafa Ma'nahu min al-Quran al-Majid* tulisan al-Mubarrid menyebabkan mereka menghimpun beratus-ratus perkataan yang dianggap sebagai *al-musytarak al-lafziy*. Ini kerana mereka tidak meletakkan syarat-syarat khusus untuk *al-musytarak al-lafziy* seperti sebahagian sarjana linguistik Arab kini. Bagi mereka setiap perkataan yang sama sebutan dan ejaan adalah *al-musytarak al-lafziy*.

Menurut Anis (1990) pula, istilah *al-musytarak al-lafziy* digunakan oleh ilmuwan dahulu untuk perkataan yang mempunyai bentuk yang sama dan mempunyai pelbagai makna. Ini kerana di samping mempunyai sebutan dan huruf-huruf yang sama perkataan tersebut juga menunjukkan lebih daripada satu makna. Qaddur (1993) pula mempunyai pandangan yang berbeza dengan Anis (1990). Beliau meletakkan *al-musytarak al-lafziy* dan *al-aḍḍad* di bawah istilah *al-musytarak*. Namun begitu, ketika membincangkan *al-musytarak al-lafziy* secara khusus beliau menggunakan istilah *al-musytarak* sahaja, manakala ketika membincangkan *al-aḍḍad*, beliau mengakui bahawa ia mempunyai hubungan yang kuat dengan *al-musytarak al-lafziy*.

Berdasarkan penelitian penggunaan istilah *al-musytarak al-lafziy* daripada beberapa orang sarjana linguistik, kajian mendapati bahawa istilah ini tidak sesuai digunakan secara umum bagi merangkumi *al-musytarak al-lafziy* dan *al-aḍḍad*. Hal demikian kerana istilah *al-musytarak* juga merangkumi *al-musytarak al-ma'nawiy* dan sinonim (*al-taraduf*). Selain itu, *al-musytarak* juga melibatkan perkataan-perkataan yang digabungkan (*al-murakkab*) sedangkan *al-musytarak al-lafziy* hanya melibatkan satu perkataan sahaja.

Dari sudut *usul al-fiqh* pula para ilmunannya telah mendefinisikan *al-musytarak al-lafziy* sebagai satu perkataan yang menunjukkan dua makna atau lebih secara sama (al-Suyuti t.th., 369). Tulisan ini hanya memfokuskan kepada *al-musytarak al-lafziy* tanpa menyentuh *al-aḍḍad* kerana ia merupakan satu perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna dan makna-maknanya adalah bertentangan daripada maksud asalnya.

Jika dilihat dari sudut terjemahan kepada perkataan *al-musytarak al-lafziy*, terdapat dalam kalangan sarjana linguistik Arab yang menyebutnya sebagai *homonym* (homonim) yang berasal daripada bahasa Inggeris. Namun terdapat perselisihan pendapat mengenainya. Ia disebabkan terdapat satu lagi istilah bahasa Inggeris yang mempunyai makna yang hampir sama iaitu *polysemy* (polisemi). Polisemi bermaksud satu perkataan yang mempunyai banyak makna, manakala homonim ialah perkataan yang mempunyai lafaz yang sama tetapi makna yang berbeza. Ia juga menunjukkan bahawa homonim tidak semestinya mempunyai ejaan yang sama.

Kenyataan ini dibuktikan oleh Palmer (1989, 111) yang menyatakan bahawa polisemi adalah satu perkataan dengan beberapa makna, dan homonim pula ialah beberapa perkataan dengan bentuk yang sama. Jika diteliti makna yang diberikan ini didapati bahawa polisemi lebih menekankan sudut makna dan homonim lebih menekankan sudut bentuk perkataan.

Sehubungan itu, *al-musytarak al-lafziy* yang digunakan dalam linguistik Arab bukan sahaja menekankan aspek bentuk perkataan, malah amat menekankan makna perkataan tersebut. Namun, syarat yang utama ialah ia mesti mempunyai sebutan dan ejaan yang sama. Dari sudut ini, *al-musytarak al-lafziy* turut merangkumi *al-aḍḍad* yang merupakan antonim mengikut istilah sarjana linguistik Barat. Namun bukan semua antonim adalah *al-aḍḍad*.

Kesimpulannya *al-musyarak al-lafziy* dalam linguistik Arab merangkumi polisemi, homonim dan antonim yang diistilahkan oleh sarjana linguistik Barat. Fakta-fakta yang diperolehi telah mendorong penulis untuk memilih istilah *al-musyarak al-lafziy* yang lebih sesuai dan tepat untuk digunakan di dalam tulisan ini berbanding dengan istilah-istilah lain.

***Al-Musyarak al-Lafziy* dengan Pengertian Khusus**

Secara umumnya *al-musyarak al-lafziy* ialah satu perkataan yang mempunyai dua makna atau lebih. Namun *al-musyarak al-lafziy* dengan pengertian yang lebih khusus mempunyai definisi yang lebih terbatas.

Setelah meneliti definisi-definisi *al-musyarak al-lafziy* dengan pengertian umum dalam kalangan ilmuwan linguistik Arab, penulis bersependapat dengan Abu al-Amythal (1988) yang menyatakan bahawa *al-musyarak al-lafziy* dengan pengertian khusus boleh didefinisikan sebagai perkataan yang sama ejaan dan sebutannya serta menunjukkan kepada dua makna atau lebih yang tidak bertentangan. Definisi *al-musyarak al-lafziy* dengan pengertian yang khusus ini telah mengeluarkan *al-ta'add* dari skop *al-musyarak al-lafziy* dalam bentuk yang lebih khusus.

Contoh *al-musyarak al-lafziy* yang masyhur ialah perkataan العين yang mempunyai pelbagai makna sebagaimana yang dinyatakan oleh Abu al-Amythal dalam tulisannya. Antara makna-makna tersebut ialah mata, mata air, wang emas atau perak, zat sesuatu, ketua tentera, terusan dan hujan yang tidak berhenti-henti (Abu al-Amythal 1988, 63).

Berdasarkan kepada pengertian *al-musyarak al-lafziy* sama ada secara umum atau khusus yang telah dinyatakan, hakikat kewujudannya masih dipertikaikan oleh ilmuwan linguistik Arab sehingga mencetuskan perdebatan dalam kalangan mereka. Antara mereka yang menafikan kewujudan *al-musyarak al-lafziy* ialah Ibn Durustuwayh (1975). Menurutnyanya, kewujudan *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Arab akan menimbulkan kesamaran, bukan untuk menjelaskan makna. Namun penafian Ibn Durustuwayh (1975) terhadap kewujudan *al-musyarak al-lafziy* hanya sementara kerana beliau akhirnya akur bahawa *al-musyarak al-lafziy* boleh terhasil daripada penggunaan perkataan yang sama bagi makna yang berlainan dalam dua dialek. Menurut al-Salih (1983), terdapat sebilangan ilmuwan Arab yang berpendapat bahawa *al-musyarak al-lafziy* tidak boleh dinafikan secara total dan tidak pula boleh diakui secara melampaui batas. Buktinya terdapat perkataan *al-musyarak al-lafziy* dalam al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. meskipun jumlahnya kecil. Hal ini jelas menunjukkan bahawa *al-musyarak al-lafziy* merupakan salah satu elemen yang dapat mengindahkan lagi bahasa Arab.

Selain itu, apa yang menarik perhatian pada waktu wujudnya perselisihan pendapat dalam kalangan ilmuwan linguistik Arab, terdapat banyak kajian dan tulisan yang memperkatakan tentang *al-musyarak al-lafziy* dalam disiplin ilmu yang lain seperti fiqh dan usul al-fiqh. Namun untuk lebih memahami *al-musyarak al-lafziy* sebagaimana yang dikehendaki dalam bidang linguistik dan disiplin ilmu yang lain, maka wajarlah terlebih dahulu mengetahui tentang *al-musyarak al-lafziy* yang terdapat dalam linguistik Arab. Dari situ percambahan ilmu akan menjadi lebih teratur dan mudah difahami serta dapat diterima oleh setiap individu yang berbeza latar belakangnya.

Di samping itu perbincangan dan perbincangan tentang *al-musyarak al-lafziy* dalam disiplin ilmu yang berbeza akan menunjukkan sedikit kelainan dan perbezaan antara satu sama lain. Walaupun terdapat perselisihan antara para ilmuwan dengan hujah-hujah yang tersendiri, namun masih terdapat titik persamaan antara mereka dalam menetapkan makna perkataan yang mengandungi *al-musyarak al-lafziy* melalui contoh-contoh yang berkaitan. Hal ini amat penting dalam memelihara keunikan bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran malah sebagai panduan umat Islam sepanjang hayat. Perkara inilah yang ingin diketengahkan dalam tulisan ini agar *al-musyarak al-lafziy* dapat dikaji dalam skop yang lebih luas bagi membuktikan kepentingan kajian bahasa Arab bagi disiplin ilmu Islam yang lain. Secara tidak langsung ia membuka ruang dan peluang untuk meneroka perkaitan antara *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Arab dengan *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Melayu misalnya.

Qarinah dalam al-Musyarak al-Lafziy

Qarinah memainkan peranan yang penting dalam menentukan maksud yang hendak disampaikan sama ada secara lisan mahupun tulisan. Secara ringkasnya *qarinah* bermaksud petanda atau dalil yang menunjukkan maksud sebenar bagi *al-musyarak al-lafziy* dalam sesuatu ayat. Lafaz *al-musyarak al-lafziy* yang disertai dengan *qarinah* lebih mudah difahami berbanding dengan ayat yang tidak mempunyai *qarinah*. Hal ini perlu diteliti agar maksud yang diungkapkan menepati dengan kehendak penuturnya. Ini kerana kesalahan mentafsir makna yang sebenar akan merosakkan makna ayat tersebut dan akhirnya maklumat tidak dapat diterima dengan tepat. Contoh *al-musyarak al-lafziy* yang sering diutarakan ialah perkataan العين. Namun perlu diberi perhatian juga bahawa tidak semua ayat yang diungkapkan mengandungi *qarinah*.

Oleh itu, bagi satu perkataan yang mengandungi *al-musyarak al-lafziy*, makna yang dikehendaki dalam konteks sesuatu ayat adalah satu maksud sahaja. Hal ini jelas menggambarkan bahawa satu perkataan *al-musyarak al-lafziy* tidak boleh menunjukkan dua makna atau lebih secara serentak kerana maknanya ditentukan berdasarkan *qarinah* yang terdapat dalam ayat tersebut. Sekiranya *qarinah* tidak terdapat dalam ayat, maka maknanya yang asal akan digunakan. Namun ada juga sebahagian sarjana linguistik yang menetapkan bahawa semua makna boleh digunakan bagi *al-musyarak al-lafziy* yang *mujmal*. Penetapan ini bergantung kepada maksud yang difahami oleh seseorang.

Sebagai contoh ayat إني رأيت عينا. Dalam contoh ini tiada *qarinah* yang menentukan makna yang dikehendaki dari perkataan عين yang mempunyai banyak makna. Bagi mereka yang tidak mengharuskan ia digunakan untuk semua maknanya, perkataan عين kekal *mujmal*. Bagi mereka yang mengharuskan penggunaan *al-musyarak al-lafziy* untuk semua maknanya pula, mereka menyatakan bahawa perkataan itu tidak *mujmal* dan boleh digunakan untuk semua maknanya.

Contoh al-Musyarak al-Lafziy yang Mempunyai Qarinah

Al-musyarak al-lafziy yang mempunyai *qarinah* pula dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya kewujudan *qarinah* dapat menentukan satu makna sahaja, lebih daripada satu makna, dan menafikan sebahagian makna *al-musyarak al-lafziy*. Jika terdapat *qarinah* yang menentukan satu makna sahaja, maka wajib menggunakannya untuk makna tersebut (al-Zarkasyiy 1996, 127). Misalnya dalam ayat إني رأيت عينا باصرة (sesungguhnya saya melihat mata yang melihat).

Perkataan عين hanya boleh digunakan dengan makna mata sahaja. Makna-makna lain bagi perkataan عين seperti mata air, matahari, pengintip serta emas dan perak tidak boleh digunakan di dalam ayat tersebut.

Qarinah yang boleh menunjukkan *al-musyarak al-lafziy* tersebut digunakan untuk lebih dari satu makna pula, boleh dilihat melalui contoh ayat عندي عين صافية. Penggunaan عين dalam ayat ini boleh bererti matahari, wang emas dan perak, mata dan mata air (al-Subkiy 1984, 269) berdasarkan *qarinah*nya صافية yang bermaksud jernih, manakala makna pengintip tidak boleh digunakan kerana tidak sesuai dengan *qarinah* tersebut.

Terdapat juga *qarinah* yang menafikan sebahagian daripada makna-makna *al-musyarak al-lafziy* tersebut. Dalam keadaan ini Zuhair (t.th.) berpendapat bahawa sekiranya ada satu makna atau lebih yang masih berbaki, maka makna tersebut yang diambil kira. Sebagai contoh ialah ayat هذه عين.

ليست ذهباً ولا جارية yang bermaksud 'Ain ini bukan emas dan bukan air yang mengalir. Di dalam ayat ini telah dijelaskan bahawa perkataan عين tidak bererti emas atau air yang mengalir. Oleh kerana makna emas dan air yang mengalir telah dinafikan, maka perkataan عين boleh bererti mata, matahari, pengintip dan makna-makna yang lain bagi perkataan tersebut.

Faktor-faktor Kewujudan *al-Musyarak al-Lafziy* dalam Ilmu Linguistik Arab

Terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada kewujudan *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Arab. Antara faktor-faktor tersebut ialah:

1. Perbezaan dialek Arab zaman dahulu
Perbezaan dialek yang wujud dalam kabilah-kabilah Arab telah menyumbang kepada *al-musyarak al-lafziy*. Fenomena ini dapat dilihat apabila terdapat kabilah yang menggunakan satu perkataan untuk makna tertentu, manakala kabilah lain menggunakan perkataan yang sama tetapi dengan maksud yang berlainan. Ini menunjukkan perbezaan dialek turut mempengaruhi kewujudan *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Arab. Sebagai contoh penggunaan perkataan اليد mempunyai maksud yang berbeza antara satu kabilah dengan kabilah yang lain. Terdapat kabilah yang menyatakan اليد adalah keseluruhan lengan; dari hujung jari hingga ke bahu. Ada pula kabilah lain menggunakannya bagi merujuk kepada hasta dan tapak tangan; iaitu dari hujung jari hingga ke siku. Segolongan lain menunjukkan makna tapak tangan sahaja; iaitu dari hujung jari hingga ke pergelangan tangan. Kesemua makna ini diterima pakai dalam bahasa Arab menyebabkan perkataan اليد menjadi *al-musyarak al-lafziy* (Khallaf 1956, 178).
2. Penggunaan secara majazi
Istilah majazi bermaksud penggunaan sesuatu perkataan bukan menunjukkan maksud sebenarnya tetapi digunakan dalam bentuk majazi (kiasan atau perumpamaan). Oleh itu, penggunaan makna bukan pada hakikatnya dikenali sebagai majazi. Perkataan yang mempunyai makna yang sebenar boleh menjadi majazi disebabkan adanya perkaitan antara makna asal dan makna majazi tersebut. Apabila penggunaan secara majazi menjadi lebih popular dan sering digunakan secara meluas, akhirnya ia akan mendorong orang ramai melazimi penggunaannya sehingga makna majazi itu dianggap sebagai makna yang asal bagi sesuatu perkataan. Contoh bagi penggunaan majazi ialah perkataan الهلال (al-Suyutiyy t.th., 372). Makna hakikat baginya adalah anak bulan. Namun begitu, ia turut digunakan secara majazi bagi menunjukkan makna alat buruan disebabkan bentuknya seperti anak bulan.
3. Perkembangan fonetik atau perubahan sebutan huruf
Perkembangan bunyi huruf berlaku apabila terdapat perubahan kepada huruf asal bagi sesuatu perkataan disebabkan oleh perkembangan bunyi pada perkataan tersebut. Kadang-kadang pertukaran sebutan huruf terjadi disebabkan perubahan kedudukan huruf dalam perkataan yang menjadikan sebutannya sama dengan perkataan lain. Keadaan ini telah menyumbang kepada wujudnya *al-musyarak al-lafziy* dalam bahasa Arab. Contohnya perkataan استدام daripada دام dan استدام daripada دَمِيَ. Lafaz yang kedua timbul disebabkan perubahan kedudukan huruf iaitu dari استدمي menjadi استدام (Qaddur 1993,

200). Menurut 'Abd Majid (1995, 218), kewujudan *al-musytarak al-lafziy* dapat dilihat pada perubahan sebutan huruf dengan cara huruf dalam perkataan tersebut ditukar kepada huruf yang lain. Sebagai contoh perkataan حَنَّكَ dan حَلَّكَ mempunyai makna yang berbeza.

حَنَّكَ bererti lelangit manakala حَلَّكَ bermaksud sangat hitam. Namun begitu perkataan حَنَّكَ juga digunakan dengan makna sangat hitam. Sarjana linguistik Arab menyatakan bahawa makna ini timbul disebabkan pertukaran huruf 'lam' pada perkataan حَلَّكَ kepada huruf 'nuun'.

4. Perkembangan makna umum bagi dasar perkataan
Walaupun perkataan dasar yang dikembangkan akan membentuk perkataan-perkataan lain dengan pelbagai makna yang baru, namun sebenarnya ia masih mempunyai satu makna umum yang merangkumi semua makna. Bagi menjelaskan kenyataan ini perkataan الدليل dijadikan contoh. Antara makna-maknanya ialah orang yang menunjukkan jalan, pemandu pelancong, buku panduan tempat-tempat pelancongan, hujah mantik dan bukti. Kesemua makna ini pada zahirnya berbeza mengikut penggunaannya dalam ayat, namun terdapat persamaan dari segi makna umumnya; iaitu menunjukkan kepada yang dimaksudkan atau yang dikehendaki (Syahin 1990, 56). Perkembangan makna umum ini telah dijadikan hujah oleh sebilangan mereka yang mempertikaikan kewujudan *al-musytarak al-lafziy* dalam bahasa Arab. Mereka berpendapat bahawa perkataan yang dikatakan adalah *al-musytarak al-lafziy* sebenarnya mempunyai makna umum sahaja. Setelah masa berlalu dan berlaku perkembangan makna bagi makna umum tersebut, lahirlah makna-makna lain bagi perkataan tersebut.
5. Penggunaan *al-musytarak al-lafziy* bertujuan mengaburkan dan menyamarkan
Tujuan menggunakan perkataan yang mengaburkan dan menyamarkan dalam bahasa Arab adalah untuk menyembunyikan makna sebenar yang dikehendaki daripada perkataan yang digunakan. Pemilihan perkataan sebegini dibuat bagi mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diingini sekiranya menggunakan perkataan dengan makna yang sebenar dan jelas difahami. Sebagai contoh Abu Bakar r.a. pernah ditanya tentang identiti Rasulullah s.a.w. ketika dalam perjalanan menuju ke Gua Thur. Lalu Saidina Abu Bakar r.a. berkata, *هذا رجل يهديني السبيل* yang bermaksud, ini adalah seorang lelaki yang menunjukkan jalan kepadaku. Menurut Rawway (1993) maksud sebenar yang dikehendaki oleh Saidina Abu Bakar dengan perkataan *السبيل* dalam jawapannya adalah Islam dan syariat. Namun mereka yang mendengar jawapan tersebut memahaminya sebagai jalan yang dilalui oleh beliau. Dengan kata lain bahawa mereka menyangkakan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah penunjuk jalan kepada Saidina Abu Bakar r.a. ke Gua Thur.
6. Perubahan makna kerana sesuatu istilah
Terdapat sebilangan perkataan yang mempunyai makna dari sudut bahasa dan makna dari segi istilah. Makna dari sudut istilah digunakan mengikut disiplin ilmu yang tertentu. Antaranya perkataan الصلاة, الصوم, والزكاة mempunyai makna yang berbeza dari sudut bahasa dan istilah. Sebagai contoh الصلاة menurut bahasa bermaksud doa. Namun setelah kedatangan Islam, ia digunakan dengan makna sembahyang sebagaimana yang terdapat

dalam bidang fikah dan usulnya (Al-Kura'in 1993, 120). Berdasarkan kepada faktor-faktor yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa *al-musyarak al-lafziy* amat berkait rapat dengan persekitaran seseorang individu. Namun, perlu diberi perhatian walau apa pun faktor yang menyebabkan wujudnya *al-musyarak al-lafziy*, sesetengah penggunaannya perlu dilihat kepada realiti sekarang sama ada masih relevan atau sebaliknya. Dalam realiti penggunaan hari ini juga kita perlu merujuk kepada kamus-kamus bahasa Arab yang terkini bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan makna perkataan yang digunakan.

Pembahagian *al-Musyarak al-Lafziy* Mengikut Jenis Perkataan

Sebagai penegasan kepada *al-musyarak al-lafziy* yang dibincangkan, artikel ini mengemukakan beberapa contoh *al-musyarak al-lafziy* berdasarkan pembahagian perkataan dalam linguistik Arab. Dalam ilmu sintaksis bahasa Arab, perkataan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kata nama, kata kerja dan partikel (*al-harf*). Contoh-contoh yang dikemukakan berikut adalah relevan dengan masyarakat yang bukan terdiri daripada penutur asal bahasa Arab:

1. *Al-musyarak al-lafziy* pada kata nama

Antara contoh *al-musyarak al-lafziy* pada kata nama adalah perkataan *الخال* yang mempunyai beberapa makna. *الخال* dijelaskan oleh Ibn Manzur (1990) dengan pelbagai makna seperti bapa saudara sebelah ibu, tanda di pipi atau tahi lalat, awan hujan, bujang, yang lepas serta takbur dan berbangga-bangga. Perkataan *الأمّة* juga mempunyai lebih daripada satu makna. Antara makna-makna bagi perkataan ini adalah seorang soleh yang dijadikan ikutan, jamaah, ketika, agama, ibu dan nikmat (Ibn Manzur 1990, 26-28). Selain itu perkataan *العين* turut mempunyai pelbagai makna. Antaranya mata, pengintip, mata air, emas dan perak sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Al-Tha'alibiy (1984, 174-175) dalam tulisannya turut menyatakan contoh *al-musyarak al-lafziy* pada kata nama iaitu perkataan *السوء*. Antara makna-maknanya yang terdapat di dalam al-Quran ialah dahsyat, zina, azab, syirik, penyakit sopak dan dosa.

2. *Al-musyarak al-lafziy* pada kata kerja

Antara contoh *al-musyarak al-lafziy* pada kata kerja ialah *قضى* yang mempunyai banyak makna. Makna-makna tersebut ialah buat atau lakukan, perintah dan memberitahu (al-Tha'alibiy 1984, 186-188). Selain itu contoh kata kerja lain yang tergolong dalam *al-musyarak al-lafziy* sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Tha'alibiy (1984) ialah perkataan *ضرب* juga adalah contoh *al-musyarak al-lafziy* pada kata kerja kerana ia mempunyai lebih daripada satu makna. Antara makna-makna yang boleh difahami daripada perkataan tersebut ialah bermusafir, memukul dengan tangan, menyifatkan atau membuat misal, berdegup (jantung), dan menempa (dirham).

3. *Al-musyarak al-lafziy* pada partikel

Menurut (al-Ansariy 1991) partikel *الواو* merupakan salah satu contoh *al-musyarak al-lafziy* pada partikel. Antara makna-maknanya ialah dan (menghimpunkan antara dua benda atau lebih), serta, atau, dan menunjukkan keadaan (*hal*). Partikel genetif juga termasuk dalam partikel-partikel yang mempunyai pelbagai makna. Sebagai contoh partikel *من* mempunyai beberapa makna seperti dari (permulaan sesuatu), sebahagian, sebab dan sebagai ganti

(al-Ansariy 1991). Partikel genetif **إلى** juga mempunyai beberapa makna sebagaimana yang terdapat dalam kitab suci al-Quran. Antara makna-makna yang terdapat pada partikel **إلى** pula ialah penamat, serta, dengan (seperti makna partikel *al- ba'*) dan untuk (seperti makna partikel *al-lam*) (al-Tha'alibiy 1984, 52-53). Artikel ini hanya menyebut beberapa makna sahaja bagi setiap contoh yang diberikan. Walau bagaimanapun makna-makna perkataan tersebut masih banyak untuk disenaraikan. Secara umumnya setiap makna yang dikehendaki bagi satu-satu perkataan dapat difahami berdasarkan penggunaannya dalam ayat secara satu makna.

Kebaikan dan Keburukan *al-Musytarak al-Lafziy*

Penggunaan *al-musytarak al-lafziy* mempunyai kesan positif dan negatif bagi orang yang menuturkannya dan yang mendengarnya. Hal ini kerana *al-musytarak al-lafziy* merupakan satu perkataan yang mempunyai dua makna yang berbeza atau lebih. Kesan positif yang dimaksudkan adalah ia boleh menyelamatkan seseorang, manakala kesan negatifnya boleh mendatangkan kemudaratan kepada individu. Tulisan ini akan mengemukakan dua contoh *al-musytarak al-lafziy* yang mendatangkan kebaikan dan keburukan kepada seseorang.

Dalam sejarah Islam telah tercatat bahawa penggunaan *al-musytarak al-lafziy* telah menyelamatkan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Ketika Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan menuju ke Badar bersama beberapa orang sahabat r.a. mereka telah terserempak dengan seorang lelaki Arab. Lelaki tersebut bertanya, "Kamu dari kabilah mana?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Dari ماء (air)". Lelaki Arab tersebut menyangkakan bahawa Rasulullah s.a.w. dan rombongan

tersebut dari kabilah ماء lalu dia mencari-cari kabilah yang dinyatakan oleh Baginda Rasulullah s.a.w.

(Syahin 1990, 33). Menurut Atiq (1972, 544) penggunaan perkataan ماء oleh Rasulullah s.a.w. bermaksud Baginda Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. diciptakan daripada air bukannya berasal dari kabilah yang diberi nama ماء. Ini menunjukkan bahawa *al-musytarak al-lafziy* dapat membantu seseorang dalam menyelesaikan masalah terutamanya dalam keadaan yang merumitkan.

Selain daripada itu, kekeliruan dalam memahami makna yang dimaksudkan oleh penutur turut mengundang bahaya kepada pihak yang lain. Sebagai contoh kematian yang menimpa seorang tawanan perang disebabkan kekeliruan memahami maksud *al-musytarak al-lafziy* yang timbul daripada perbezaan dialek Arab. Seorang tawanan perang telah dibawa berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan menggigil kesejukan. Melihat keadaan tawanan itu Rasulullah s.a.w. telah bersabda: اذهبوا به فادفؤوه. Maksudnya: "Bawalah dia pergi dan panaskan badannya". Malangnya tawanan tersebut telah dibunuh kerana mereka yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya memanaskan badan tawanan tersebut menyangkakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan supaya tawanan tersebut dibunuh. Penggunaan lafaz فادفؤوه dalam dialek Yaman bermaksud bunuh sedangkan Rasulullah s.a.w. menggunakan perkataan tersebut dengan makna memanaskan (Atiq 1972, 31).

Justeru, semua ini memberi gambaran yang jelas bahawa pemilihan perkataan yang tepat dan mampu membawa maksud seperti yang diinginkan oleh penuturnya akan menjamin para pendengar memahami maksud yang diungkapkan oleh ayat tersebut. Selain itu, penggunaan *al-musytarak al-lafziy* yang betul juga dapat menunjukkan sesuatu penggunaan bahasa itu bertepatan dengan situasinya.

Kesimpulan

Al-musyarak al-lafziy merupakan salah satu elemen bahasa yang penting dalam bahasa Arab. Keunikan yang dimiliki oleh *al-musyarak al-lafziy* telah mendorong kepada wujudnya kekayaan perbendaharaan kata seterusnya kepelbagaian makna bagi sesuatu perkataan. Dalam realiti penggunaannya sekarang, seseorang individu perlu merujuk kepada kamus-kamus bahasa Arab yang terkini. Jika sesuatu perkataan tersebut disenaraikan dengan dua makna atau lebih dan tidak berlawanan maka ia adalah *al-musyarak al-lafziy*. Sekiranya perkataan tersebut mempunyai dua makna yang bertentangan maka ia adalah *al-ta'add*. Bukti yang paling kuat bahawa *al-musyarak al-lafziy* ini memang wujud dalam bahasa Arab ialah terdapatnya perkataan-perkataan ini di dalam al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. walaupun dalam jumlah yang kecil. Namun *al-musyarak al-lafziy* yang terdapat dalam dua sumber rujukan utama umat Islam ini turut menjadi salah satu topik perbincangan yang terperinci dalam kalangan ilmuwan fikah dan *usul al-fiqh* dalam menetapkan sesuatu hukum. Ini menunjukkan bahawa bidang linguistik Arab dan syariah saling melengkapi. Oleh itu kegagalan memahami dan menggunakan unsur-unsur bahasa yang terdapat dalam linguistik Arab akan membawa kepada kelemahan memahami kandungan al-Quran dan hadis Nabi s.a.w.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Abu al-Amaythal, Abdullah ibn Khalid al-'A'rabiyy. 1988. Kitab *al-Ma'thur Min al-Lughah: Ma Ittafaqa Lafzuha Wa Ma'nahu*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1999. *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- 'Abd al-Majid, Fathi Anwar. 1995. *Dirasat fi al-Lahajat al-'Arabiyyat wa al-Qira'at al-Quraniyyat*. Tanta: al-Turkiyy Li al-Komputer wa Tiba'at al-Ofset.
- al-Ansariyy, Abu Muhammad Abdullah Jamal al-Din ibn Yusuf ibn Ahmad ibn Abdullah ibn Hisyam. 1991. *Mughni al-Labib 'An Kutub al-A'arib*. Juz. 1 & 2. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Anis, Ibrahim. 1990. *Fi al-Lahajah al-'Arabiyyah*. Ulang cetak. Kaherah: Maktabah al-Anjilu al-Masriyyah.
- 'Atiq, 'Abd al-'Aziz. 1972. *Fi al-Balaghah al-'Arabiyyah: 'Ilm al-Ma'ani-al-Bayan-al-Badi'*. Beirut: Maktabah al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Ibn Durustuwayh, Abdullah ibn Ja'far. 1975. *Tashih al-Fasih*. Juz. 1. Baghdad: Maktabat al-Irsyad.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Jil. 11 & 12. Beirut: Dar Sadir.
- al-Jundiyy, 'Abd al-Halim. t.th. *Al-Imam al-Syafi'iy: Nasir al-Sunnah wa al-Wadi' al-Usul*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Khalil, Helmi. 1998. *Dirasah fi al-Lughah wa al-Ma'ajim*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. 1956. *'Ilm Usul al-Fiqh*. Ulang cetak. Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah.
- al-Kura'in, Ahmad Na'im. 1993. *'Ilm al-Dalalat Bayn al-Nazar wa al-Ta'biq*. Beirut: Al-Muassasatal-Jami'iyat Li al-Dirasat Wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. 2009. *Kajian Semantik dan Mu'jam 'Arabiyy*. Nilai: Penerbit USIM.
- Palmer, F.R. 1989. *Semantik*. Terj. Hasan Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qaddur, Ahmad Muhammad. 1993. *Madkhal Ila Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Rawway, Salah. 1993. *Fiqh al-Lughah wa Khasais al-'Arabiyyah wa Taraiq Numuwwiha*. t.tp.: Dar al-Hani.
- al-Salih, Subhi. 1993. *Dirasat fi Fiqh al-Lughat*. Ulang cetak. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- al-Samiraiyy, Fadil Hasan. 2000. *Ma'ani al-Nahw*. Amman: Dar al-Fikr.
- al-Subkiyy, 'Aliy ibn 'Abd al-Kafi dan Taj al-Din 'Abd al-Wahhab ibn 'Aliy. 1984. *Al-Ibhaj fi Syarh al-Minhaj*. Juz. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Sibawayh, 'Amru ibn Uthman Qanbar. 1999. *Al-Kitab*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman Jalal al-Din. t.th. *al-Mazhir fi Ulum al-Lughah wa Anwa'iha*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Syafi'i, Muhammad Idris. 1997. *Al-Risalah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Syahin, Taufiq Muhammad. 1990. *Al-Musytarak al-Lughawiy: Nazariyyatan wa Tatbiqan*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Tha'alibiy, 'Abd al-Malik ibn Muhammad. 1984. *Al-Asybah wa al-Nazair fi al-Alfaz al-Quraniyyah*. Damsyik: Dar Sa'd al-Din.
- al-Zarkasyiy, Badr al-Din Muhammad ibn 'Aliy al-Hasaniy. 1996. *Ma Ittafaqa Lafzuh wa Ikhtalafa Ma'nah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zuhair, Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Juz. 2. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyyah.
-

NOOR ANIDA AWANG

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: nooranida@unisza.edu.my

TASNIM MOHD ANNUAR

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: tasnim@unisza.edu.my